



**TEKS UCAPAN  
YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
PERDANA MENTERI MALAYSIA**

**ISTIADAT PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN,  
BINTANG DAN PINGAT  
WILAYAH PERSEKUTUAN 2023**

**PADA  
1 FEBRUARI 2023 [RABU]  
BERSAMAAN 10 REJAB 1444 HIJRAH  
BERTEMPAT  
DI BALAIRUNG SERI, ISTANA NEGARA,  
KUALA LUMPUR**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Alhamdulillahi Rabbil Alamin Wassolatu Wassalamu  
Ala Ashrafil Anbiya' Iwal Mursalin Waala Alihi  
Wasobihi Ajma'in**

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
dan Salam Sejahtera**

**Mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri  
Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan  
Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni  
Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.**

**Mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri  
Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku  
Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti  
Al-Marhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar  
Al-Haj.**

**Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,  
Sembah patik pohon diampun.**

**Dengan penuh hormat dan takzimnya, patik sekalian merafakkan sembah dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku berdua atas limpah perkenan berangkat hadir bercemar duli di Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan Tahun 2023.**

**Negara dan rakyat bertuah dapat bernaung di bawah payung pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku berdua yang sentiasa prihatin terhadap kemaslahatan rakyat, tampan segak disinggahsana, selesa dan sederhana diwarung bersama rakyat.**

**Ampun Tuanku,**

**Patik amat meyakini bahawa Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan agensi-agensi akan terus bergerak sederap sebagai satu pasukan jentera**

perkhidmatan awam untuk mentadbir dan mengurus kemajuan dan pembangunan Wilayah Persekutuan. Mereka telah berkhidmat dengan baik, namun bertekad untuk melakukan anjakan perubahan yang mampu mengangkat martabat rakyat dan memastikan aspek penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan.

**Ampun Tuanku,**

Sesuai dengan kerangka kebijakan ‘Malaysia Madani’, maka pengurusan dan tatakelola pentadbiran dipastikan lebih telus, bersih serta prihatin terhadap kehendak rakyat. Jentera pentadbiran Wilayah Persekutuan bertekad untuk menjadi contoh tadbir urus yang bersih dari rasuah dari peringkat pengurusan hingga ke penguatkuasa. Hanya dengan berteraskan nilai dan etika atau akhlak, aspek kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan serta ihsan dan rahmah dapat dibudayakan.

**Negara umumnya dan Wilayah Persekutuan turut dirundung dengan masalah kos sara hidup. Maka, selain dari ikhtiar Kementerian-Kementerian, Wilayah Persekutuan menambah bantuan kepada golongan miskin dan yang terjejas. Antaranya, MyGrocer@Wilayah yang merupakan inisiatif pasar bergerak ke kawasan perumahan kos rendah dan juga MyMedic@Wilayah yang akan memberikan perkhidmatan rawatan asas dan pemeriksaan kesihatan secara percuma kepada golongan B40 dan M40 di 16 buah Projek Perumahan Rakyat dan Perumahan Awam.**

**Ampun Tuanku,**

**Skop Rumah Mampu Milik kepada rumah untuk disewa iaitu Rumah Majlis (*Council Homes*) akan diperluaskan. Justeru, sebanyak 8,277 unit kediaman Residensi Wilayah dan 2,510 unit Residensi Prihatin yang tersedia untuk warga Wilayah Persekutuan. Selain itu, empat (4) projek**

merangkumi 3,621 unit Rumah Majlis (Council Homes) untuk disewa oleh warga kota dalam kalangan berpendapatan rendah yang sedang dalam status pembinaan di Sungai Udang, Jalan Selimang/Siakap, Bandar Baru Sentul dan Taman Desa. Jabatan Wilayah Persekutuan turut merangka agenda pembangunan untuk masa hadapan secara mampan, berdaya huni dan pintar yang selari dengan hasrat ‘Malaysia Madani’ yang turut memberi penekanan kepada aspek kemampunan dengan konsep ‘Green City’, Kota Hijau dan Kota Pintar. Patik menyasarkan Wilayah Persekutuan menjadi bandar pintar menjelang tahun 2030. Di samping itu, usaha-usaha tebatan banjir akan diteruskan dengan lebih gigih selaras dengan Pelan Mitigasi Banjir yang telah disediakan.

Antara program lain yang telah disusun ialah penggunaan bas elektrik di Kuala Lumpur, Wangsa Maju sebagai bandar perintis rendah karbon, penambahan pemasangan CCTV di Kuala Lumpur

**dan Putrajaya serta pemasangan WIFI di Projek Perumahan Rakyat dan Perumahan Awam di Labuan. Jabatan Wilayah Persekutuan bersama Kementerian Kewangan sedang merangka strategi menyegarkan kegiatan di pusat kewangan Labuan.**

**Sukacita patik menyembah maklum akan pencapaian kemampanan bandar Wilayah Persekutuan yang diukur berdasarkan kepada 39 Petunjuk Prestasi melalui Sistem Murninet 2.0 oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia). Pada tahun 2022, ketiga-tiga Wilayah Persekutuan telah mencapai tahap “Mampan” dengan cemerlang.**

**Ampun Tuanku,**

**Kuala Lumpur terkenal megah dengan beberapa mercu tanda tersohor. Maka, kewajaran kini adalah untuk menumpukan ikhtiar ke arah program hijau, kebersihan dan keindahan, utamanya pembinaan warung dan gerai untuk rakyat di peringkat**

**bawahan. DBKL telah mengorak langkah dengan pantas dengan mengenalpasti, sebagai permulaan 20 warung dan gerai untuk diperindahkan.**

**Bersempena Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan Tahun 2023 ini, seramai 164 individu mendapat limpah perkenan Tuanku untuk dikurniakan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat. Pengurniaan ini berdasarkan kepada khidmat bakti dan jasa yang dicurahkan kepada negara dan Wilayah Persekutuan. Patik sekalian rakyat menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku atas pengurniaan ini.**

**Ampun Tuanku,**

**Akhir kalam, patik bagi pihak warga Wilayah Persekutuan, memohon doa kehadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala moga dilanjutkan usia dan dilimpahkan rahmat-Nya ke atas Kebawah Duli**

**Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, serta seluruh kerabat diraja.**

**Patik bertekad memastikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan ditadbir dan diterajui dengan sebaiknya agar manfaat kemakmuran dan keamanan dapat dinikmati rakyat jelata yang rencam kaum dan budaya.**

**Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Daulat Tuanku.**